



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MENILAI KREATIVITI DALAM LUKISAN
MURID *AUTISME SPECTRUM DISORDER*
BERDASARKAN *TORRANCE TEST*
*OF CREATIVE THINKING***

FAUZIAH BINTI AWANG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MENILAI KREATIVITI DALAM LUKISAN MURID *AUTISME SPECTRUM*
DISORDER BERDASARKAN *TORRANCE TEST*
*OF CREATIVE THINKING***

FAUZIAH BINTI AWANG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)(bulan) 20

i. Perakuan pelajar:

Saya, **FAUZIAH BINTI AWANG M20161000351 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **MENILAI KREATIVITI DALAM LUKISAN MURID AUTISME SPECTRUM DISORDER BERDASARKAN TORRANCE TEST OF CREATIVE THINKING** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF MADYA DR ABD RAHIM BIN RAZALLI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **MENILAI KREATIVITI DALAM LUKISAN MURID AUTISME SPECTRUM DISORDER BERDASARKAN TORRANCE TEST OF CREATIVE THINKING** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: MENILAI KREATIVITI DALAM LUKISAN MURID AUTISME
SPECTRUM DISORDER BERDASARKAN TORRANCE TEST
OF CREATIVE THINKING

No. Matrik / Matric's No.: M 20161000351

Saya / I: FAUZIAH BINTI AWANG
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

[Signature]
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Prof. Madya Dr. Abdul Wahid Razali
Dekan
(Tandatangan Pengerusi/Signature of Supervisor)
& (Nama dan Penerimaan Nama & Official Stamp)

Tarikh: 25-11-2020

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana mengurniakan saya kesihatan yang baik, peluang dan rezeki untuk menyiapkan kajian ini.

Jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Prof Madya Dr Abd Rahim bin Razalli yang telah banyak membantu, membimbing, menasihati dan memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang mengikuti pengajian peringkat Sarjana di Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar yang diberi, sukarlah bagi saya untuk menyelesaikan kajian dan penulisan ilmiah ini dengan lancar.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada semua pakar, rakan, guru dan para pelajar yang terlibat sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Tanpa kerjasama dan sumbangan semua pastinya kajian ini tidak dapat berjalan dengan lancar.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua ahli keluarga saya yang sentiasa memberi sokongan dan kasih sayang terutama kepada ibu yang dikasihi, Fatimah binti Jusoh dan juga suami tercinta, Safuan bin Yaacob. Ucapan terima kasih juga untuk anak-anak tersayang Danish, Dina dan Damia yang berkongsi masa dan menjadi penguat semangat saya dalam meneruskan usaha untuk menyelesaikan pengajian ini.

Sekali lagi, saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau secara tidak langsung dalam menjayakan kajian saya ini. Terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai kreativiti dalam lukisan murid Autisme Spectrum Disorder (ASD) berdasarkan Torrance Test of Creative Thinking. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif iaitu reka bentuk kajian kes. Teori Perkembangan Kanak-Kanak dan Teori Kreativiti Torrance digunakan dalam kajian ini yang memfokuskan kepada perkembangan kognitif dan juga kreativiti kanak-kanak. Peserta kajian terdiri dari tiga orang murid ASD yang berumur 11 tahun daripada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Selangor, dan mereka telah dipilih secara persampelan bertujuan. Ujian Torrance Test of Creative Thinking (TTCT) digunakan untuk mengukur kreativiti murid dalam lukisan murid ASD. Aspek yang dinilai adalah keaslian, kelancaran, kelenturan dan penghuraian. Data kajian dikumpulkan melalui ujian TTCT dan juga temu bual. Indeks kreativiti TTCT menunjukkan aspek keaslian adalah 233, aspek kelancaran 500, aspek kelenturan 240 dan aspek penghuraian 213. Dapatan kajian keseluruhan mendapati indeks kreativiti bagi aspek keaslian, kelenturan dan penghuraian bagi murid ASD berada pada tahap yang rendah dan aspek kelancaran pada tahap sederhana. Temu bual menunjukkan terdapat beberapa tema yang muncul iaitu keluarga yang memberi sokongan melalui pembelian alatan mewarna dan melukis, dan juga melalui sokongan moral. Selain itu, guru juga memberi sokongan melalui tunjukkan melukis, pembelajaran mengikut tahap keupayaan murid dan hasil akhir murid menjadi pendorong kepada kreativiti murid dalam lukisan. Tema lain yang muncul adalah rakan sebaya, minat dan emosi. Kesimpulannya, dapatan utama kajian menunjukkan kreativiti dalam lukisan murid ASD adalah rendah kecuali dalam aspek kelancaran. Namun data temu bual menunjukkan guru sebagai faktor utama yang mempengaruhi kreativiti melukis murid ASD diikuti oleh faktor keluarga, rakan sebaya, minat serta emosi murid. Implikasi kajian menunjukkan kreativiti murid ASD perlu dipertingkatkan dengan menarik minat murid dalam lukisan dengan bantuan guru, keluarga dan rakan sebaya.





ASSESSMENT OF CREATIVITY IN DRAWING AMONG AUTISM SPECTRUM DISORDER (ASD) PUPILS BASED ON THE TORRANCE TEST OF CREATIVE THINKING

ABSTRACT

This study aimed to assess creativity in drawing of Autism Spectrum Disorder (ASD) pupils based on the Torrance Test of Creative Thinking. The study used a qualitative approach with a case study design. Child Development Theory and Torrance Theory of Creativity were used in this study which focused on cognitive development as well as on children's creativity. The study participants consisted of three 11-year-old ASD pupils from the Special Education Integration Program (PPKI) in Selangor and they were selected by purposeful sampling. The Torrance Test of Creative Thinking (TTCT) test was used to measure the pupils' creativity in their drawing. TTCT aspects assessed were originality, smoothness, flexibility and elaboration. Empirical data were collected through TTCT tests as well as interviews. The TTCT creativity index showed that the originality aspect was 233, the smoothness aspect was 500, the flexibility aspect was 240 and the elaboration aspect was 213. The overall study found that the creativity indicators for the originality, flexibility and elaboration aspects for ASD pupils were at low level except for the smoothness aspect that was at a moderate level. Interview data showed that there were several themes that emerged which supported the children's creativity. The first theme was the family's support that assisted the children through the purchase of colouring and drawing tools, and also through the moral support. Another theme indicated that the teachers' support also provided assistance through drawing demonstrations. Teachers should also teach the pupils according to the level of the pupils' abilities. In addition, the study also revealed that the teachers' support may become the impetus for the children's creativity in drawing. Other themes that emerged were peers' influence, the pupils' interests and their emotions. In conclusion, the main finding of the study shows that creativity in drawing of ASD pupils was low except in terms of fluency. However, the interview data showed that the teachers were the main factor in influencing the creativity of drawing ASD pupils followed by family, peers, interests and emotional factors. The implication of the study shows that the creativity of ASD pupils need to be enhanced by attracting their interest in drawing with the help of teachers, family and peers.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB 1	Pengenalan	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Tujuan Kajian	12
1.5	Objektif Kajian	13
1.6	Persoalan Kajian	14
1.7	Kepentingan Kajian	14
1.8	Definisi Operasional	18
1.9	Kerangka Konseptual	21
2.0	Kesimpulan	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Teori Kreativiti Torrance	26
2.3	Teori Perkembangan Kanak-kanak	32
2.4	<i>Autisme Spectrum Disorder (ASD)</i>	35
2.4.1	Ciri-ciri <i>Autisme Spectrum Disorder(ASD)</i>	37
2.4.2	Faktor-faktor berlakunya <i>Autisme Spectrum Disorder (ASD)</i>	41
2.4.3	Kajian-kajian berkaitan <i>Autisme Spectrum Disorder (ASD)</i>	42
2.5	Konsep Kreativiti	54
2.5.1	Penilaian Kreativiti	58
2.5.2	Kreativiti dalam lukisan kanak-kanak	62
2.5.3	Kajian-kajian berkaitan kreativiti	65
2.5.4	Kajian-kajian menggunakan <i>Torrance Test of Creative Thinking (TTCT)</i>	71
2.6	Faktor-faktor Mempengaruhi Perkembangan Kreativiti Kanak-kanak	76
2.6.1	Keluarga	76
2.6.2	Guru	79
2.6.3	Rakan sebaya	81
2.6.4	Emosi	83
2.6.5	Persekitaran	84
2.6.6	Alat dan bahan	86
2.6.7	Minat murid	88
2.7	Kesimpulan	89

BAB 3 KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	90
3.2	Reka Bentuk Kajian	91
3.3	Populasi dan Sampel	92
3.4	Instrumen Kajian	95
3.4.1	<i>Torrance Test of Creative Thinking</i>	95
3.4.2	Pemerhatian	98
3.4.3	Temu bual	100
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	102
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	103
3.6.1	Kesahan instrumentasi	104
3.6.2	Kebolehpercayaan instrumentasi	107
3.7	Analisis Data	109
3.8	Batasan Kajian	111
3.9	Kesimpulan	111

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	134
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	114
4.3	Latar Belakang Guru Pendidikan Seni Visual (PSV)	118
4.4	Latar Belakang Ibu Peserta Kajian	120
4.5	Dapatan Tahap Kreativiti Dalam Lukisan Murid ASD	
4.5.1	Peserta kajian PK1	122
4.5.2	Peserta kajian PK2	127

4.5.3 Peserta kajian PK3	132
4.6 Dapatan Faktor-faktor Mempengaruhi Kreativiti Murid ASD	
4.6.1 Peserta kajian PK1	136
4.6.2 Peserta kajian PK2	143
4.6.3 Peserta kajian PK3	147
4.7 Rumusan Dapatan Faktor-faktor Mempengaruhi Kreativiti Murid ASD	150
4.8 Kesimpulan	152

BAB 5 RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	154
5.2 Ringkasan Keseluruhan Kajian	155
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	159
5.3.1 Tahap kreativiti dalam lukisan murid ASD	159
5.3.2 Faktor-faktor yang mempengaruhi kreativiti murid ASD	164
5.3.3 Faktor utama yang mempengaruhi kreativiti murid ASD	174
5.4 Implikasi Kajian	180
5.5 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	183
5.6 Kesimpulan	187

RUJUKAN	189
----------------	-----

LAMPIRAN

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Nilai Pekali Persetujuan Kappa	105
3.2	Penilaian Pakar Terhadap Instrumen	107
3.3	Indeks Kreativiti	109
3.4	Matriks Pengumpulan Data	110
4.1	Demografi Peserta Kajian	115
4.2	Latar Belakang Guru Pendidikan Seni Visual	119
4.3	Latar Belakang Ibu Peserta Kajian	121
4.4	Skor Kelancaran Murid PK1	123
4.5	Skor Keaslian Murid PK1	124
4.6	Skor Kelenturan Murid PK1	125
4.7	Skor Penghuraian Murid PK1	125
4.8	Pemerhatian semasa ujian TTCT PK1	127
4.9	Skor Kelancaran Murid PK2	128
4.10	Skor Keaslian Murid PK2	129
4.11	Skor Kelenturan Murid PK2	129
4.12	Skor Penghuraian Murid PK2	130
4.13	Pemerhatian semasa ujian TTCT PK2	131
4.14	Skor Kelancaran Murid PK3	133
4.15	Skor Keaslian Murid PK3	134
4.16	Skor Kelenturan Murid PK3	134
4.17	Skor Penghuraian Murid PK3	135
4.18	Pemerhatian semasa ujian TTCT PK3	136





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konsepsual Kajian	23
2.1	Teori Kreativiti Torrance	27
4.1	Faktor-faktor mempengaruhi kreativiti murid ASD	152





SENARAI SINGKATAN

APA	American Psychiatric Association
ASD	Autisme Spectrum Disorder
DSM 5	The Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder 5 th Edition
IDEA	Individuals with Disabilities Education
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
NASOM	Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia
OKU	Orang kelainan upaya
PKBP	Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PSV	Pendidikan Seni Visual
TTCT	Torrance Test of Creative Thinking





SENARAI LAMPIRAN

A	Ujian Pemikiran Kreatif Torrance (Aktiviti 1)
B	Ujian Pemikiran Kreatif Torrance (Aktiviti 2)
C	Ujian Pemikiran Kreatif Torrance (Aktiviti 3)
D	Skema Pemarkahan TTCT Melukis Borang A
E	Borang Skor TTCT Melukis Borang A
F	Huraian Torrance Test of Creative Thinking
G	Protokol temu bual ibu bapa murid
H	Protokol temu bual guru PSV
I	Senarai semak pemerhatian terhadap murid
J	Senarai semak pemerhatian terhadap guru dan bilik darjah
K	Senarai pakar
L	Surat kebenaran menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), KPM
M	Penilaian pakar terhadap instrumen
N	Transkripsi temu bual
A1	Hasil TTCT PK1
A2	Hasil TTCT PK2
A3	Hasil TTCT PK3





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Kementerian Pelajaran Malaysia (2013) mentakrifkan elemen kreativiti sebagai tindakan penghasilan idea, pendekatan atau tindakan baru. Elemen kreativiti dan inovasi merupakan antara elemen yang ditekankan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan sepanjang hayat.

Menurut Lowenfeld (1975) proses kreativiti berkembang secara semula jadi mengikut tahap tertentu dan berdasarkan pengalaman persekitaran kanak-kanak.





Lowenfeld (1975) percaya bahawa setiap kanak-kanak lahir bersama sifat kreatif. Namun bakat dan kreativiti yang ada dalam diri kanak-kanak akan hilang begitu saja sekiranya tidak disuburkan melalui bimbingan dan galakan sewajarnya sepanjang proses tumbesaran mereka. Dalam hal ini, mata pelajaran pendidikan Seni Visual yang mengandungi latihan dan juga projek seni menjadi satu medium untuk mengembangkan aspek kreativiti murid. Penghasilan karya melalui lukisan menghasilkan imej dan bentuk yang dapat mewakili interpretasi perlakuan, intelektual dan emosi kanak-kanak (Mohd Kamal, Norasmah, Rashidah & Rosliza, 2013). Hal ini menunjukkan aktiviti melukis bukan sahaja dapat memberi kepuasan diri, malahan menjadi alat perhubungan dalam berkomunikasi bagi kanak-kanak.



Kajian mengenai lukisan kanak-kanak telah dipelopori oleh Piaget (1929), yang menunjukkan perkembangan hasil lukisan adalah seiring dengan tahap pemikiran kognitif kanak-kanak (Ismail, 2016). Kajian dalam bidang artistik kanak-kanak masih lagi berkembang sehingga kini kerana dapatan kajian dapat membantu mempertingkatkan hasil seni kanak-kanak. Selain itu ia juga dapat digunakan oleh penyelidik, ibu bapa dan guru untuk membantu pemupukan kreativiti melalui hasil lukisan kanak-kanak. Hasil lukisan kanak-kanak bukan sahaja sebagai refleksi imaginasi mereka, malahan ia juga sebagai satu bentuk komunikasi bukan lisan terutamanya bagi kanak-kanak *Autisme Spectrum Disorder (ASD)*.

K.A Razhiyah (2008) menyatakan kanak-kanak ASD tiada kepelbagaian dalam minat atau permainan mahupun imaginasi. Namun begitu di sebalik kekurangan yang dimiliki tidak dinafikan ada golongan ASD yang memiliki





keupayaan yang luar biasa yang menjadikan mereka golongan yang istimewa. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan perkembangan individu secara menyeluruh dan peluang pendidikan yang sama kepada semua warganegara maka kajian-kajian untuk memperkembang potensi murid ASD perlu dilakukan khususnya dalam konteks kajian ini menjurus kepada aspek kreativiti dalam lukisan. Tambahan pula kecenderungan dan kemahiran melukis sememangnya telah wujud secara semula jadi semenjak awal usia kanak-kanak lagi.

Seiring dengan perkembangan transformasi pendidikan abad ke-21, kanak-kanak berkeperluan khas tidak terkecuali dari aspek pembelajaran aktif dan kemahiran kehidupan seperti kemahiran kognitif, kreativiti, sosial dan sebagainya. Bidang pendidikan menjadi satu medium formal yang membekalkan murid dengan kemahiran kreativiti bermula dari peringkat awal persekolahan lagi disamping membantu mewujudkan kelainan yang unik dalam menghasilkan sesuatu seni. Selanjutnya inti pati bab ini akan membicarakan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan dan kepentingan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan bahawa pendidikan dan kehidupan berkait rapat kerana pendidikan menentukan corak serta mutu kehidupan manusia. Peranan pendidikan sangat penting dalam pembentukan generasi muda untuk menjadi rakyat Malaysia yang dapat menyumbangkan bakti kepada perkembangan ekonomi,





sosial, kebudayaan dan politik negara. Tidak terkecuali bagi murid yang dikategorikan dalam pendidikan khas kerana walaupun berbeza dan unik dari segi keupayaan fizikal, tingkah laku dan kognitif namun hak mereka dalam pendidikan juga perlu diberi perhatian (Norfishah, 2016). Pendidikan khas di Malaysia berkembang pesat sejak bermulanya kesedaran tentang keperluan pendidikan untuk murid-murid kurang upaya seawal tahun 1920-an.

Kementerian Pendidikan Malaysia mentakrifkan “Murid Berkeperluan Khas”, sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan. Ketidakupayaan tersebut mestilah diperakukan oleh pengamal perubatan, atau ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta. “Pendidikan Khas” pula bermaksud pendidikan bagi murid berkeperluan pendidikan khas di tiga pilihan persekolahan, iaitu sekolah pendidikan khas, atau di sekolah arus perdana yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi atau Program Pendidikan Inklusif, pada peringkat pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah atau pendidikan lepas menengah.

Kanak-kanak yang dikategorikan sebagai mempunyai masalah pembelajaran adalah seperti autisme, sindrom down, terencat akal, ADHD dan disleksia. *The Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder 5th Edition*, (DSM 5) telah menggantikan perkataan autisme dengan *Autisme Spectrum Disorder* (ASD). Seorang psikiatri Swiss, Eugen Bleuler mula menggunakan perkataan autisme pada





tahun 1919 bermaksud ‘melarikan diri dari realiti’. Perkataan *autistic* dan *autism* juga dikatakan berasal dari perkataan Greek iaitu *autos* yang bermaksud sendiri, iaitu kanak-kanak yang berada dalam dunianya sendiri. Maksud sindrom autisme sendiri tidak dapat di terjemahkan dengan tepat kerana ada pelbagai definisi yang diberikan oleh pengkaji terdahulu. *American Psychiatric Association* (APA) mendefinisikan ASD sebagai kecelaruan perkembangan otak yang memberi kesan dari segi interaksi sosial dan komunikasi, imaginasi dan minat yang terhad, dan sering melakukan pergerakan badan yang berulang-ulang. Menurut *Individuals with Disabilities Education* (IDEA), ASD adalah ketidakupayaan dari segi perkembangan yang memberi kesan kepada interaksi sosial, komunikasi lisan dan bukan lisan serta mempengaruhi pencapaian dalam pembelajaran. Kondisi individu ASD dapat dikenal pasti seawal tiga tahun pertama kelahiran. Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa ASD berkait dengan kegagalan membina hubungan sosial, komunikasi dan juga imaginasi yang memberi kesan kepada keseluruhan perkembangan seseorang.

Di Malaysia, kesedaran tentang ASD bermula semenjak penubuhan Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) pada 11 Julai 1986 oleh beberapa kumpulan keluarga dan profesional yang bertujuan membantu kanak-kanak ASD dan keluarga terlibat (Rashid, 2007). Langkah awal NASOM adalah dengan pembukaan sekolah di Jalan Chan Chin Mooi, Setapak, Kuala Lumpur. Dewasa ini telah terdapat banyak sekolah sama ada kerajaan dan swasta yang berkait dengan pembangunan kanak-kanak ASD. Antaranya ialah Institut Masalah Pembelajaran dan Autisme Malaysia (IMPIAN), Autism Link Sdn Bhd, dan Genius Kurnia yang memberikan perkhidmatan pendidikan khusus untuk kanak-kanak ASD.





Perkembangan kanak-kanak ASD bukanlah berdasarkan umur kronologi sebagaimana kanak-kanak tipikal sebaliknya mengikut kadar kemampuan pencapaian tersendiri. Hal ini kerana mereka mempunyai perbezaan dan kekeliruan dalam fungsi kognitif (Hallahan & Kauffman, 1997; APA, 2000; Baron-Cohen, Leslie & Frith, 1985; K.A. Razhiyah, 2008). Hal ini jelas dapat dilihat jika di dalam kelas di sekolah menengah, sesetengah murid ASD mempamerkan kelakuan seperti murid prasekolah, manja dan masih keanak-anakan. Selain itu, ada juga yang berkelakuan terlampau aktif, berjalan dengan berjengkit, suka kepada pergerakan tertentu dan ada juga yang mencakar kulit tubuh sendiri (Zuri, Aznan & Zainuddin, 2014). Individu ASD juga menggunakan bahasa yang tidak sesuai dan kurang berkomunikasi, bahasa yang mempunyai makna yang mengelirukan, bercakap kepada seseorang dan bukannya bersama seseorang (Kanner, 1974). Kebanyakan murid ASD juga tidak menggunakan bahasa yang betul dalam pertuturan (Zuri & Aznan, 2013). Hal tersebut menyebabkan maksud yang ingin disampaikan oleh mereka sering kali disalahtafsir dan tidak difahami oleh orang lain.

Oleh yang demikian, antara aktiviti yang mudah untuk membantu perkembangan murid ASD ini ialah melalui aktiviti melukis. Melukis merupakan kaedah yang memberi peluang untuk mereka melukis perkara yang terdapat diminda. Kebolehan dan kemampuan ini boleh dilakukan sama ada di sekolah, rumah mahupun di tempat-tempat lain. Melalui lukisan dapat menunjukkan kreativiti mereka terhadap alam sekeliling melalui imej yang terhasil. Aktiviti seni seperti melukis merupakan salah satu terapi yang dapat memperkembangkan emosi, bakat dan potensi murid ASD kerana ia merupakan salah satu kaedah murid berinteraksi dengan sesuatu





aktiviti. Hal ini disokong dengan pernyataan bahawa aktiviti seni membantu murid yang tidak mampu melahirkan pemikiran dan perasaan melalui penggunaan pelbagai alatan untuk mewarna, mencorak dan membatik (Amerruddin, Zaleha & Radin Mas, 2013), dan ia juga merupakan satu cara belajar sambil bermain serta menzahirkan ekspresi kreatif kanak-kanak (Brusic & Steinmacher, 2015). Hal ini jelas menunjukkan bahawa aktiviti seni khususnya melukis dapat meningkatkan kepercayaan kanak-kanak melalui pergaulan ke arah pengalaman kehidupan yang lebih positif dan kreatif.

Murid ASD yang mengikuti pembelajaran di sekolah diwajibkan mengikuti kurikulum khas iaitu Kurikulum Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP). Bentuk pengajaran dalam kurikulum PKBP adalah tidak terikat bermaksud ianya boleh dibentuk dan diubah suai mengikut keperluan murid. Kurikulum PKBP yang telah di gubal bertujuan untuk membolehkan murid mempunyai daya kreatif dan estetika dalam menghargai keindahan alam dan warisan budaya. Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV), salah satu mata pelajaran dalam kurikulum PKBP, bukan sahaja membekalkan kemahiran kreatif malahan juga dapat merangsang daya imaginasi murid (KPM, 2014). Secara umumnya tahap kreativiti murid ini berbeza antara satu sama lain kerana ia turut melibatkan fungsi kognitif disamping melibatkan pengalaman persekitaran yang berbeza (Jamal, 2018). Selain itu dalam mata pelajaran PSV, murid bukan hanya menjalankan aktiviti melukis tetapi ada objektif lain yang selaras dengan hasrat kurikulum PKBP sendiri. Antara objektif yang terkandung dalam Draf Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Pendidikan Seni Visual (2014) ialah membolehkan murid:





- i. menunjukkan kemahiran kognitif, psikomotor dan sosial
- ii. mengembangkan bakat, kreativiti dan inovasi
- iii. menghayati keindahan alam dan warisan budaya
- iv. menghasilkan karya seni yang kreatif
- v. menimba ilmu sebagai persediaan ke arah kerjaya masa depan

Bagi murid berkeperluan khas, mata pelajaran Pendidikan Seni Visual menjadi satu mata pelajaran yang penting kerana ia merupakan salah satu mata pelajaran dari komponen bidang sosial, riadah dan kreativiti yang terkandung dalam kurikulum PKBP. Mata pelajaran PSV ini menekankan perkembangan motor halus dan juga motor kasar murid meliputi kemahiran menggambar, mencorak, membentuk dan membina serta penghargaan kepada hasil kraf tradisional (KPM, 2014). Kemahiran melukis dalam mata pelajaran PSV adalah salah satu aktiviti yang menjadi medium untuk menzahirkan emosi dan perasaan kanak-kanak. Walaupun imej yang dilukis kadangkala tidak difahami oleh orang dewasa, namun lama kelamaan ia menjadi aktiviti yang menyeronokkan apabila pada suatu tahap mereka dapat berkongsi idea dan kreativiti yang ada pada mereka. Namun begitu bagi kanak-kanak ASD, kecenderungan dan minat mereka dalam lukisan memerlukan lebih bimbingan dan motivasi dari orang dewasa berbanding kanak-kanak tipikal. Hal ini disebabkan oleh masalah interaksi, komunikasi dan tingkah laku yang boleh melambatkan proses pembelajaran mereka (Norfishah, 2015).

Di Malaysia, NASOM menganggarkan setiap 1 dari 68 kelahiran adalah ASD menjadikan angka kelahirannya di Malaysia adalah 9,0000 orang setiap tahun. Bilangan kanak-kanak ASD di Amerika pula yang bersekolah di sekolah pendidikan





husus meningkat dari 22,000 hingga 140,000 di antara tahun 1995 hingga 2008 (Frederick, 2008 dalam Haimour & Obaidat, 2013). Kajian Arif, Niazy, Hassan dan Ahmed (2013) melaporkan 1 dari 120 kelahiran kanak-kanak di Pakistan adalah ASD. Prevalens yang semakin meningkat ini juga adalah petunjuk bahawa pendidik dan profesional dalam bidang ASD khususnya amat diperlukan untuk sama-sama menyebarkan ilmu kepada masyarakat dan warga pendidik khususnya guru-guru pendidikan khas. Bagi memastikan murid ASD mendapat manfaat sepenuhnya maka strategi pengajaran dan intervensi yang bersesuaian khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual perlu dijalankan bagi mengembangkan bakat mereka ke arah yang lebih positif dan bermakna untuk masa depan mereka.

Aktiviti melukis merupakan elemen penting dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual terutamanya di peringkat sekolah rendah. Aktiviti yang menarik seperti melukis ini dapat mendorong kreativiti murid melalui idea dan gambaran yang terdapat diminda yang kemudiannya diterjemahkan ke atas kertas lukisan. Hasil dari penilaian terhadap kajian-kajian yang lepas telah terdapat kajian yang dibuat diluar negara yang mengkaji kreativiti dikalangan murid ASD. Oleh itu ia satu keperluan untuk menilai kreativiti dalam lukisan murid ASD di negara ini dengan kaedah yang bersesuaian dengan usia mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Kecelaruhan dari segi domain tingkah laku iaitu sosial, komunikasi dan imaginasi (Witt, 2012) memberi kesan yang bukan sedikit kepada individu ASD. Ia turut





memberi kelainan kepada daya kreativiti yang dipengaruhi oleh kelainan kognitif yang dimiliki. Kajian Craig dan Baron-Cohen (1999) menunjukkan kanak-kanak ASD kurang menghasilkan elemen keaslian (idea yang menarik, luar biasa dan lain dari yang lain), elemen kelancaran (keupayaan menghasilkan seberapa banyak idea dalam suatu jangka masa) dan elemen kelenturan (keupayaan untuk menghasilkan idea-idea yang pelbagai) berbanding kumpulan kawalan dalam kajian mereka. Oleh yang demikian pengkaji tertarik untuk turut mengenal pasti dan menilai elemen-elemen tersebut melalui lukisan murid ASD dalam kajian ini. Tambahan pula lukisan merupakan aktiviti yang menyeronokkan kepada kanak-kanak. Lukisan juga adalah satu cara yang dapat menzahirkan kreativiti selain menjadi alat komunikasi bagi sesetengah kanak-kanak ASD menerusi gambar, garisan, bentuk dan warna (Brusic & Steinmacher, 2015). Penzahiran kreativiti melalui lukisan menjadi satu perlambangan bagi sesetengah murid ASD yang sukar berkomunikasi.



Selain itu, kajian tentang ASD di Asia majoritinya adalah dari negara Jepun, China, Indonesia dan Taiwan (Elsabbagh et al, 2012). Namun, penyumbang terbesar kajian berkaitan ASD adalah dari negara-negara Barat dan Eropah (Tina, Hui, Noel, Arnold & Lay, 2014). Jika dilihat dari ruang lingkup budaya yang hampir sama iaitu Singapura, Malaysia masih ke belakang dari segi kuantiti kajian berkaitan ASD (Tina et al, 2014). Tambahan pula, kajian melibatkan kreativiti lebih banyak menggunakan kaedah kuantitatif (Kettler, Lamb & Willerson, 2018; Wan Marzuki, Hafizoah & Munira, 2016; Allen & Craig, 2016; Craig & Baron-Cohen, 1999; Yong, 1989). Hal ini turut disokong oleh Mohamad Satar, Nur Farhana Waheeda dan Rose Amnah (2013), yang menyatakan 85% kajian berkaitan kreativiti adalah menggunakan kaedah





tinjauan melibatkan 17 dari 20 kajian. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa kajian berbentuk kualitatif berkaitan kreativiti murid ASD ini di Malaysia adalah menarik bagi memahami hasil seni lukis yang dihasilkan oleh mereka. Seterusnya hasil kajian ini sedikit sebanyak dapat digunakan oleh pengkaji seterusnya dalam meningkatkan percambahan ilmu dalam bidang berkaitan murid ASD.

Kreativiti dan bakat yang ada pada kanak-kanak juga sukar dinilai kerana ia bersifat subjektif (Laili Farhana & Maizatul Hayati, 2014). Ada murid yang mampu menyiapkan lukisan dalam tempoh masa diberi namun hasilnya tidak begitu menarik sepertimana murid yang tidak berjaya menyiapkan sepenuhnya lukisan tersebut. Oleh yang demikian kajian berkaitan kreativiti menggunakan TTCT sesuai dilaksanakan untuk menilai kreativiti hasil seni lukis murid ASD. Tambahan pula ujian TTCT dikatakan ujian yang paling meluas digunakan, kesahan dan kebolehpercayaan paling tinggi dan paling banyak menerima kritikan kerana kepentingannya (Sternberg, 2018; Khuan & Omar, 2005; Yong; 1989). Pengkaji merasakan kajian ini selain menggunakan TTCT ia juga bersesuaian dalam konteks murid berkeperluan khas seperti ASD yang umumnya sukar berkomunikasi dan boleh melukis pada tahap lemah dan sederhana.

Sebagaimana insan lain, murid sebagai individu yang mengalami proses perkembangan yang pesat juga tentunya berhadapan dengan pelbagai masalah terutamanya semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Masalah-masalah ini hadir kerana setiap individu mempunyai perwatakan dan personaliti yang berbeza, disebabkan oleh latar belakang yang pelbagai (Slameto, 1995). Banyak aspek kreativiti yang boleh menjadi kecenderungan kepada murid





seperti dalam bidang seni muzik, seni tari, seni lukis dan seni teater. Kajian Ismail (2016) telah mengenal pasti bahawa kecenderungan murid ASD dalam melukis adalah berdasarkan faktor minat, pengalaman, pemerhatian dan perkara yang menyentuh hati. Oleh itu kajian ini akan meneroka beberapa faktor lain yang mungkin mempengaruhi kreativiti murid autisme seperti faktor guru, ibu bapa, emosi, persekitaran serta alat dan bahan yang digunakan.

Yong (1989) dalam bukunya tentang kreativiti pelajar di Malaysia telah mengutarakan cadangan perlunya kajian berkaitan kreativiti dipertingkatkan di Malaysia dalam menghadapi cabaran global yang semakin pesat ini. Menurutnya kreativiti pelajar di Malaysia masih belum mencapai tahap kreatif. Pengkaji merasakan kajian ini akan memberi satu sumbangan kecil dari segi kreativiti murid dan memberi makna dari perspektif berlainan iaitu untuk murid berkeperluan khas di Malaysia. Berdasarkan hal-hal yang tersebut maka kajian ini yang menumpukan aspek kreativiti murid ASD dalam lukisan telah dijalankan. Hasil dapatan kajian dapat digunakan oleh ibu bapa dan guru terutamanya guru yang mengajar mata pelajaran PSV bagi murid ASD dan menjadi rujukan untuk kajian akan datang terutamanya berkaitan kreativiti murid ASD di Malaysia khususnya.

1.4 Tujuan Kajian





Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai kreativiti dalam lukisan murid ASD menggunakan Torrance Test of Creative Thinking (TTCT). Peserta kajian adalah murid ASD yang bersekolah di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Kebangsaan Sungai Buloh, Selangor. Tiga murid yang menjadi peserta kajian berumur 11 tahun tanpa mengira jantina. Selain itu murid yang terlibat terdiri dari murid yang tahu menulis dan melukis tanpa mengira tahap kebolehan mereka. Peserta kajian juga mestilah mempunyai rekod kehadiran yang baik berdasarkan pencalonan dari guru kelas agar kajian dapat berjalan dengan lancar .

Penilaian adalah berasaskan kreativiti yang dikemukakan oleh Torrance (1974) berdasarkan *Torrance Test of Creative Thinking* (TTCT) meliputi empat elemen utama iaitu keaslian, kelancaran, kelenturan dan penghuraian. Elemen keaslian yang dinilai merujuk idea yang luar biasa, menarik dan lain dari yang lain sementara elemen kelancaran yang digunakan merujuk keupayaan menghasilkan seberapa banyak idea dalam suatu jangka masa secara berterusan. Elemen kelenturan pula adalah keupayaan untuk menghasilkan idea-idea yang pelbagai manakala elemen penghuraian adalah keupayaan untuk memberi makna dan huraian terhadap idea yang dihasilkan. Selain itu juga kajian ini turut bermatlamat untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kreativiti murid ASD dalam lukisan.

1.5 Objektif Kajian





- 1.5.1 Menilai kreativiti dalam lukisan murid ASD dari aspek keaslian, kelenturan, kelancaran dan penghuraian.
- 1.5.2 Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kreativiti murid ASD.
- 1.5.3 Mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi kreativiti murid ASD.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini diharap akan dapat menjawab persoalan :

- 1.6.1 Bagaimanakah tahap kreativiti dalam lukisan murid ASD dari aspek keaslian, kelenturan, kelancaran dan penghuraian?
- 1.6.2 Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kreativiti murid ASD?
- 1.6.3 Apakah faktor utama yang mempengaruhi kreativiti murid ASD?

1.7 Kepentingan Kajian

Sebagai negara yang sedang pesat menuju ke arah negara maju menjelang 2020, budaya pemikiran kreatif merupakan faktor yang sangat penting dalam menyesuaikan diri dan untuk berjaya dalam dunia yang semakin hari berubah dengan pantas. Usaha untuk meningkatkan kemahiran kreativiti dikalangan guru dan murid terletak dibawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kemahiran kreativiti ini





semakin diberikan penekanan dalam Pelan Pembangunan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 bagi melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif.

Keperluan berkaitan kreativiti amat diperlukan oleh semua murid sama ada di sekolah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran ataupun di alam pekerjaan nanti. Penduduk dunia dan di Malaysia amnya telah mengalami kepesatan dalam cara hidup kesan dari pelbagai inovasi kreativiti yang berlaku. Kemahiran ini adalah asas kepada beberapa bidang yang menjadi tunjang kepesatan ekonomi negara seperti bidang sains dan teknologi. Jika dahulu telefon bimbit hanya menjalankan fungsi perhubungan namun kini melalui proses kreativiti telah menjadikannya alat peranti pintar yang turut berfungsi sebagai kamera, pandu arah perjalanan, internet dan sebagainya. Hasil kajian ini dapat memberi input berguna kepada guru-guru terutamanya guru Pendidikan Seni Visual untuk memberi lebih banyak fokus kepada konsep kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kajian ini merupakan langkah awal untuk mengenal pasti perkembangan murid ASD dalam aspek pemikiran kreatif. Lukisan merupakan satu cara memperkembangkan idea dan sifat kreatif dalam diri kanak-kanak. Ini dapat dilihat dengan kerapnya kanak-kanak sedari kecil menconteng dan melukis menunjukkan banyaknya idea dan pengalaman mereka untuk dizahir secara bukan lisan. Kepentingan lukisan dalam dunia kanak-kanak menunjukkan bagaimana ia membantu mereka melahirkan perasaan, emosi, sensitiviti kepada keindahan melalui lakaran-lakaran yang menarik dan bermakna. Oleh yang demikian kajian ini diharap akan dapat menambah sorotan kajian tentang kreativiti murid ASD dan juga menyumbang





maklumat tentang kaedah dan bahan bantu mengajar yang sesuai hasil dari dapatan kajian terutamanya dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Selain itu, hasil kajian ini diharap mampu mengembangkan bakat dan potensi yang ada pada murid ASD melalui kaedah intervensi yang lebih sempurna dan berkualiti. Persekitaran program intervensi yang baik juga dapat memberi gambaran kepada pihak tertentu tentang kualiti perkhidmatan yang diperolehi oleh murid-murid ASD ini. Sokongan dan perhatian yang diberi kepada murid ASD dapat memandu mereka menghasilkan karya yang lebih berkualiti melalui kaedah pengajaran yang lebih berkesan. Dalam hal ini, sokongan dan dorongan merupakan keperluan asas yang boleh diberi oleh keluarga dan guru-guru dalam mempertingkatkan hasil dan kualiti kreativiti yang dimiliki oleh murid ASD.



Laporan Harian Metro bertarikh 26 April 2017 menyebut, statistik pada tahun 2014 menunjukkan kira-kira 47,000 rakyat Malaysia tergolong dalam ASD dan angka ini meningkat tiga peratus setiap tahun. Laporan Kesihatan Mental Kanak-Kanak Remaja Negara Malaysia bagi tahun 2014 yang disiarkan dalam Harian Metro bertarikh 15 April 2018 turut melaporkan anggaran dua juta kanak-kanak berusia lima hingga 18 tahun di Malaysia mengalami masalah kesihatan mental. Data kajian yang dibentangkan pada Kongres Persatuan Psikiatri Kanak-Kanak dan Remaja dan Profesion Bersekutu Asia (ASCAPAP) 2015 itu turut mendedahkan seramai 100,000 kanak-kanak daripada jumlah berkenaan memerlukan rawatan klinikal daripada pakar. Prof Madya Dr Fairuz Nazri, pakar psikiatrik kanak-kanak di Pusat Pakar Universiti Kebangsaan Malaysia menyifatkan ASD antara masalah paling popular yang berlaku





pada kanak-kanak hari ini dengan anggaran satu daripada 100 kanak-kanak adalah ASD. Masalah perkembangan kesihatan mental ada hubungan dengan fikiran, emosi dan tingkah laku yang bermula sejak dilahirkan. Walaupun angka tersebut tidak dapat dipastikan ketepatannya, yang jelas bilangan individu yang mengalami ASD meningkat setiap tahun. Senario ini juga menunjukkan keperluan kepada kajian berkaitan ASD kerana bilangan individu yang mengalaminya semakin bertambah dan memerlukan perhatian khusus masyarakat untuk lebih memahami emosi, tingkah laku dan sosial mereka. Tambahan pula aktiviti melukis merupakan aktiviti yang dapat dijalankan pada bila-bila masa di rumah. Sokongan dari ibu bapa dapat meningkatkan kebolehan dan perkembangan anak-anak kerana pembelajaran bukan sahaja diperoleh dari guru di sekolah malahan diteruskan pula di rumah.



Manfaat dari kajian ini membolehkan pihak-pihak yang berkenaan menyediakan kursus yang bersesuaian untuk murid ASD khasnya bagi meningkatkan kemahiran melukis mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah contohnya boleh mengumpulkan murid ASD yang berbakat dalam aktiviti melukis dari setiap sekolah kerana kemahiran melukis ini boleh dijadikan sumber mata pencarian untuk masa hadapan mereka. Melalui dapatan kajian ini juga diharap tumpuan guru-guru amnya dan guru pendidikan khas khususnya tidak hanya terarah kepada aspek akademik sahaja kerana aspek bakat dan kemahiran lain juga amat penting untuk digunakan pada masa depan.

Selain itu juga, maklumbalas dari hasil kajian ini nanti diharap dapat diaplikasi semasa proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya untuk guru-guru





yang mengajar murid-murid berkeperluan khas amnya dan matapelajaran Pendidikan Seni Visual khasnya. Hal ini kerana bukan semua guru pendidikan khas mempunyai pengetahuan tentang aspek berkaitan kreativiti serta faktor yang boleh mengembangkan bakat yang ada pada murid mereka. Melalui kajian ini diharap akan mengukuhkan kepercayaan guru-guru tentang kepentingan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual terhadap murid ASD dalam mengembangkan kemahiran dan bakat murid serta menghasilkan murid yang lebih kreatif dan inovatif. Selain dapat menambahkan ilmu tentang emosi dan tingkah laku murid ASD, manfaat secara tidak langsung juga diharap dapat diserap kepada Program Pendidikan Khas Integrasi dalam menambah baik pelan tindakan khususnya bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.



1.8 Definisi Operasional

Beberapa perkataan yang mendukung tajuk dan menjadi kunci dalam kajian ini:

1.8.1 *Autisme Spectrum Disorder (ASD)*

Autisme Spectrum Disorder (ASD) pertama kali dijelaskan oleh Kanner (1943), yang ketika itu nama ASD belum ditemui. Beliau menjelaskan dalam laporan terperinci mengenai 11 kanak-kanak dengan kecenderungan yang tidak biasa seperti penggunaan bahasa yang tidak betul, sikap tidak peduli terhadap orang lain, dan minat obsesif terhadap sesuatu. *American Psychiatric Association (APA)* mendefinisikan ASD sebagai kecelaruan perkembangan otak yang memberi kesan dari segi interaksi





sosial dan komunikasi, imaginasi dan minat yang terhad, dan sering melakukan pergerakan badan yang berulang-ulang. *The Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders, 5th Edition* mentakrifkan ASD sebagai seseorang yang mempunyai masalah dari segi sosial, komunikasi dan juga tingkah laku yang boleh dikesan seawal umur tiga tahun dan mengikut tahap tertentu. K.A. Razhiyah (2008) pula menyatakan ASD adalah masalah dari segi tingkah laku, pertuturan, komunikasi, sosial, emosi, dan pola bermain akibat dari kecelaruan dalam perkembangan mental. ASD dalam kajian ini merujuk kepada murid tahun lima tanpa mengira jantina, yang bersekolah di Sek Keb Sg Buloh, Selangor dan telah disahkan sebagai ASD oleh pakar perubatan berdasarkan maklumat dari pihak sekolah dan mempunyai kad OKU. Selain itu murid yang terlibat dalam kajian ini juga adalah yang tahu menulis dan melukis kerana mereka akan terlibat dengan ujian TTCT.



1.8.2 Kreativiti

Menurut Amabile (1989), kreativiti adalah produk atau tindak balas yang luar biasa, unik, dan betul dalam konteks masalah yang dikaji. De Bono (1997) menjelaskan kreativiti merupakan sejenis pengendalian maklumat secara logik, matematik, saintifik dan boleh disemai ke dalam pemikiran manusia. Torrance (1974) mengaitkan kreativiti dengan keaslian, kelancaran, kelenturan dan penghuraian. Berdasarkan Lowenfeld (1975) pula, kreativiti mengandungi komponen kelancaran, fleksibel, keaslian dan kepekaan. Kreativiti dalam kajian ini merujuk kebolehan





murid ASD dalam menghasilkan lukisan berdasarkan kriteria dari *Torrance Test of Creative Thinking* (TTCT).

1.8.3 Lukisan

Escamilla (2015) menyatakan melukis sebagai satu bentuk bahasa visual yang tidak dapat digambarkan dengan bahasa perkataan. Melukis ialah seni melalui bentuk-bentuk tiga dimensi dalam alam nyata dipindahkan kepada dua dimensi iaitu di atas kertas (Felix, 2003). Lukisan kanak-kanak menurut Linda Carol Edwards (2002) adalah hasil coretan kanak-kanak berdasarkan pengalaman, idea dan perasaan mereka bertujuan membuat pernyataan dan alat komunikasi. Lukisan dalam kajian ini merujuk kepada hasil kerja murid ASD berdasarkan *Torrance Test of Creative Thinking* (TTCT).

1.8.4 Penilaian

Menurut Brown (2004), penilaian adalah kaedah yang digunakan untuk mengukur kemampuan, pengetahuan dan prestasi seseorang secara berteruasan. Elliot (1996) dan Bhasah (2003) menyatakan penilaian adalah satu pertimbangan nilai dan meletakkan merit. Institut Pendidikan Guru Malaysia (2015) pula menyatakan penilaian adalah suatu proses untuk mengetahui sama ada guru ‘mengajar’ dan pelajar





‘belajar’. Dalam kajian ini penilaian merujuk rubrik penskoran berdasarkan TTCT yang diperoleh murid ASD iaitu keaslian, kelenturan, kelancaran dan penghuraian.

1.8.5 Torrance Test of Creative Thinking (TTCT)

Torrance (1974) mengaitkan kreativiti dengan keaslian, kelancaran, kelenturan dan penghuraian. Dalam kajian ini skor komponen kreativiti TTCT adalah berdasarkan Skema Pemarkahan TTCT Melukis Borang A (rujuk Lampiran D). Keaslian dalam kajian ini merujuk penghasilan idea yang luar biasa dan markah 0 atau 1 diberi bagi komponen keaslian berdasarkan senarai respons yang diperolehi dari Aktiviti 1, 2 dan 3. Kelancaran pula adalah kemampuan menghasilkan seberapa banyak idea dalam suatu jangkamasa. Dalam kajian ini kelancaran merujuk bilangan respons yang munasabah dan berkaitan yang diperolehi dari Aktiviti 1 dan 2. Kelenturan bermaksud kemampuan menghasilkan idea yang pelbagai dari sudut pandangan berbeza. Skor komponen kelenturan diperolehi dari Aktiviti 2 iaitu skor 0 atau 1 diperolehi sekiranya rajah ditutup dengan cara mudah dengan garis lurus, lengkung, lorekan, huruf dan nombor. Penghuraian bermaksud kemampuan menerangkan idea yang dihasilkan. Dalam kajian ini, setelah semua maklumat ditentukan dalam Borang Skor, skor penghuraian akan diperolehi berdasarkan bilangan maklumat dari Aktiviti 1, 2 dan 3.




1.9 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual merupakan satu bentuk kerangka yang menerangkan bentuk kajian, arah tuju kajian, format dan peringkat dalam kajian secara ringkas. Bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Kamarul Azmi Jasmi (2012), kerangka konseptual boleh dibina berasaskan mana-mana teori yang sedia ada atau dibentuk sendiri. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang dibina sendiri oleh pengkaji. Pemboleh ubah ialah tingkahlaku atau peristiwa yang menjadi kayu ukur dalam sesuatu kajian (Rozmi, 2015). Pemboleh ubah tidak bersandar adalah pemboleh ubah yang penyelidik ingin tentukan sama ada memberi kesan ke atas pemboleh ubah yang lain (Fraenkel, Wallen & Hyun, 2012). Dalam kajian ini keluarga, guru, persekitaran, emosi, alat dan bahan, rakan sebaya serta minat murid merupakan pemboleh ubah tidak bersandar yang dikaji. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah murid ASD iaitu pemboleh ubah yang menerima kesan dari satu atau lebih pemboleh ubah tidak bersandar.

Teori Perkembangan Kanak-kanak digunakan oleh pengkaji bagi membantu pengkaji memahami dan menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kreativiti peserta kajian dalam kajian ini. Faktor-faktor seperti guru, keluarga, emosi, persekitaran, alat dan bahan, minat dan rakan sebaya adalah antara faktor-faktor yang dapat mempengaruhi kreativiti murid. Berdasarkan Teori Kreativiti Torrance pula, terdapat tujuh elemen utama yang boleh menjana kreativiti seorang individu iaitu penyoalan, penemuan, pemerhatian, percubaan, penerokaan, memanipulasi dan aktiviti. Teori-teori yang dipilih oleh pengkaji diharap dapat memberi makna dalam

kajian ini dan membantu menjelaskan dan memperkukuhkan tentang elemen kreativiti yang dinilai iaitu elemen keaslian, kelenturan, kelancaran dan penghuraian.



Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian



2.0 Kesimpulan

Keseluruhan bab ini telah membincangkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang mendorong kepada kajian ini berdasarkan senario keperluan pembangunan dan pendidikan negara. Kepentingan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam membekalkan kemahiran kreatif turut disentuh oleh pengkaji. Bab ini membincangkan kerangka penting yang diperlukan dalam proses membina kajian kes ini. Kajian ini penting bagi pengkaji dari sudut kegunaan alat ujian dan juga ilmiah.

Objektif dan kepentingan kajian juga turut dijelaskan dalam bab ini. Selain itu persoalan yang menjadikan kajian ini mempunyai halatuju dan bersesuaian dengan tajuk kajian juga telah dijelaskan. Teori-teori yang digunakan diharap dapat memperkukuhkan tentang kreativiti dalam lukisan murid ASD dan memberi makna dalam kajian ini. Seterusnya pengkaji akan membincangkan tentang dapatan kajian lepas sebagai menyokong kajian ini.